

## **Pelancongan-budaya: konsep dan profil di Malaysia**

Mohamed Anwar Omar Din

### **Pengenalan**

Konsep pelancongan-budaya amat kompleks kerana apa saja perkara buatan manusia (man-made subjects) boleh dianggap aspek pelancongan-budaya. Malah McKercher dan Cros (2002: 5) yang melakukan kajian secara khusus dalam bidang ini sekalipun (dan tulisan mereka menggunakan tajuk *Cultural Tourism*) memberi kenyataan berikut:

Pelancongan-budaya didefinisikan oleh penglibatan dalam sebarang aktiviti atau pengalaman yang hampir tidak terbatas. Sesungguhnya menjadi kebiasaan untuk mengelakkan daripada memberi definisi tentang pelancongan-budaya, sebaliknya sering dinyatakan “pelancongan-budaya meliputi lawatan ke ....” Dapat disimpulkan bahawa sekiranya seseorang melawat salah sebuah tempat daya tarikan maka orang itu adalah seorang pelancong budaya; oleh itu, aktiviti yang dilakukan di situ adalah aktiviti pelancongan-budaya.

[Cultural tourism is defined by participation in any one of an almost limitless array of activities or experiences. Indeed, it is common to avoid defining cultural tourism, instead stating that “cultural tourism includes visits to ....” By inference, if someone visits one of these attractions, that person must be a cultural tourist; thus the activity must be a cultural tourism activity. (Nota: *Tanda baca [...] adalah seperti teks asal*)].

Jelasnya menurut McKercher dan Cros, pelancongan-budaya tidak boleh didefinisikan tetapi dicirikan oleh “suatu set item-item” yang diklasifikasikan sebagai budaya yang ditawarkan di sesebuah destinasi. Itu sebabnya dalam menjelaskan konsepnya para pengkaji hanya menyatakan “pelancongan-budaya *meliputi ....*” Penjelasan begini juga dapat dilihat pada penjelasan yang diberikan oleh para penyelidik lain yang terdahulu seperti Velene L. Smith (1977), Peter (1969), Robinson (1976), McIntoch dan *et.al* (1995), Cohen (2001), Inskeep (1987 dan 1991), ECTARC serta WTO (dalam Richards 1996).

Velene L. Smith dianggap tokoh pelopor yang melakukan tipikologi jenis-jenis pelancongan amnya dan juga tokoh yang mendefinisikan konsep pelancongan-budaya yang terawal. Beliau membahagikan pelancongan itu kepada lima kategori jenis iaitu: 1) Pelancongan-etnik. 2) Pelancongan-budaya, 3) Pelancongan-sejarah, 4) Pelancongan-environmental, dan 5) Pelancongan-rekreasi. Menurut Smith (1979: 2-3) plancongan-budaya merujuk kepada kegiatan pelancongan yang menjadikan unsur-unsur budaya sebagai daya tarikan utama termasuk persembahan, cara hidup, budaya-tani, makan dan minum, warisan budaya, seni bina, barangan perusahaan dan kraftangan, ciri-ciri layan tamu dan segala unsur yang mencirikan cara hidup masyarakat di sesebuah destinasi itu.

Peter (1969 : 147-150) yang melihat dari sudut alam dan masyarakat-budaya mengkelompokkan daya tarikan pelancong kepada lima kategori iaitu: 1) Budaya: meliputi tapak sejarah/arkaeologi, monumen, muzium, budaya moden, institusi seperti pendidikan, politik dan agama; 2) Tradisional: meliputi festival-festival rasmi negara, kraftangan dan ciptaan kesenian benda, cara hidup dan adat resam masyarakat tempatan, muzik dan cerita rakyat; 3) Pemandangan: meliputi Taman Negara, flora dan fauna liar, resort (bukit dan pantai); 4) Entertainment: meliputi penglibatan dan penontonan kegiatan sukan, taman rekreasi dan hiburan, zoo, *oceanariums*, teater, wayang gambar, hiburan malam (*nighlife*) dan makanan-minuman tempatan; dan 5) dan lain-lain: meliputi cuaca, kesihatan, *spas*, dan daya-daya tarikan unik (tidak ada di tempat-tempat lain).

Robinson (1976: 42-43) yang melihat dari sudut geografi mengkelompokkannya kepada tujuh kategori iaitu: 1) Kesampaian dan lokasi destinasi yang dituju; 2) Ruang; 3) Pemandangan — terbahagi kepada tiga unsur utama iaitu: unsur-unsur *bentuk bumi*, meliputi gunung-ganang, *canyons*, batu karang, *cliffs*; unsur-unsur berkait dengan *air*, meliputi sungai, tasik, air terjun, geysers, glasier dan laut; unsur-unsur berkait dengan *tumbuh-tumbuhan*, meliputi hutan rimba, padang ragut, moors dan padang pasir; 4) Cuaca meliputi cahaya mata hari, awan, cuaca/iklim, hujan dan salji; 5) Kehidupan liar — yang terdapat di kawasan simpanan, safari dan zoo; dan memburu dan memancing; 6) Ciri-ciri habitasi di sesebuah petempatan di bandar dan di kampung, dan monumen dan petinggalan sejarah/arkaeologi; dan 7) budaya — meliputi cara hidup seharian, tradisi, sistem kemasyarakatan, dan kraf dan ciptaan kesenian benda.

McIntoch dan *et.al* (1995: 282-287; 417) yang melihat secara umum mengelompokkannya kepada sembilan kategori iaitu: 1) Aktiviti yang menyenangkan; 2) Membeli-belah; 3) Entertainment — persembahan muzik, taraiian, drama, puisi, kesusasteraan, wayang gambar, television, perayaan, pesta, pameran, pertunjukan; 4) Rekreasi; 5) Special Events; 6) Muzium dan galeri kesenian; 7) Sukan; 8) Taman tema; dan 9) Makanan-minuman.

Cohen, E. (1979) yang melihat dari sudut mode masyarakat berasaskan kajian sosiologi mengelompokkannya kepada empat kategori iaitu: 1) Rekreasi — berkait dengan kerehatan (*relaxation*) dan rekreasi untuk memulihkan kesihatan dan ketenteraman fikiran; 2) *Diversiionary* — berkait dengan ‘pelarian’ dan kebosanan; 3) *Experiential* — berkait dengan usaha mencari nilai estetika di tempat lain; dan 4) *Existential* — berkait dengan usaha untuk mencapai ‘enlightenment’ dengan menghayati budaya di tempat-tempat lain.

Inskeep (1991 dan 1994) yang melihat dari sudut perancangan dengan menyenaraikan jenis pelancongan berasaskan kesemua kegiatan yang dilakukan oleh pelancong iaitu: pelancongan alam semula jadi, pelancongan bandar, pelancongan berasaskan tempat peranginan, pelancongan berbasikal, pelancongan bertema kesihatan, pelancongan bertumpukan pelancongan, pelancongan berunsurkan minat khusus, pelancongan boat sungai, pelancongan desa, pelancongan di kawasan pergunungan, pelancongan karnival, pelancongan tempat kediaman (*residential tourism*), pelancongan konvensyen, pelancongan agro, pelancongan berorientasi pengangkutan (*transport-oriented tourism*), pelancongan memancing, pelancongan trekking, pelancongan air, pelancongan perahu layar, pelancongan berburu, pelancongan bersiar, pelancongan eko, pelancongan etnik, pelancongan komuniti, pelancongan agama, pelancongan belia dan pelancongan nostalgia.

Selanjutnya, menurut ECTARC dan WTO pelancongan-budaya meliputi lapan tema iaitu: 1) tapak arkaeologi dan muzium, 2) seni bina meliputi runtuhan, bangunan yang masyhur dan keseluruhan sesebuah bandar lama, 3) kesenian lukisan, arca, kraf, galeri, pesta dan acara/events, 4) muzik dan tarian klasik, rakyat/tradisional dan kontemporari, 5) drama meliputi teater, filem dan drama, 6) bahasa dan kesusasteraan,

perarakan dan acara/*events*, dan 7) upacara keagamaan dan pilgrimages, dan h) seluruh kebudayaan dan sub-kebudayaan tradisional dan primitif (dalam Richards 1996: 22-25).

Demikianlah antara beberapa penjelasan tentang “konsep” pelancongan-budaya. Kajian ini mengambil kira kesemua penjelasan diberikan oleh pelbagai pihak itu. Sememangnya timbul masalah untuk melakukan *taxonomy* dalam pelancongan budaya kerana item-item yang diliputinya itu adalah juga diliputi oleh pelancongan-etnik. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak begitu mengambil kira masalah *taxonomy* itu. Lagi pun ada risikonya jika pelancongan-budaya cuba dikonsepsualisasikan dengan begitu ketat iaitu akan berlaku “reductive.”

Kajian ini melihat pelancongan-budaya itu berasaskan produk budaya dalam pengertian yang luas iaitu sebarang perkara buatan-manusia (man-made subjects) baik dalam bentuk *tangible* mahupun *intangible*; *albeit*, alam semula jadi yang wujud seperti adanya dalam keadaan asal tanpa modifikasi oleh manusia. Kenyataan ini diasaskan kepada gagasan McKercher dan du Cros tadi. Dalam bingkai pengertian begini, menurut mereka:

Likewise, the array of cultural tourism products can include existing structures, modified facilities, and purpose-built attractions. The scale can vary from one building, to a cluster of buildings, a streetscape, a precinct within a community, an entire city or town, a region, or arguably to entire countries (McKercher dan du Cros (2002: 5).

Dengan perkataan lain, berdasarkan kenyataan McKercher dan du Cros ini konsep pelancongan-budaya adalah dicirikan oleh “penglibatan” serta aktiviti pelawat dan “himpunan produk” yang ditawarkan di sesebuah destinasi yang diklasifikasikan sebagai budaya.

### **Tipokologi budaya dalam pelancongan**

Dalam himpunan diskusi ilmiah, produk budaya dibahagikan kepada tiga bentuk utama. Pertama, “budaya-dipentaskan” (stage-cultures). Kedua, “budaya-di belakang tabir” (back-stage cultures) (MacCannell 1976: 49, Urry 1990: 9, dan Kadir Hj. Din 1997: 111). Ketiga, daya tarikan umum (common interests) seperti Kuala Lumpur Twin Towers, seni

bina legasi kolonial (tinggalan Portugis, Belanda, British dan Jepun), seni bina rumah tradisional Melayu, masjid, kuil, kongsi gereja, istana dan sebagainya.

Dalam penyelidikan pelancongan, “budaya-dipentaskan” dan “budaya-di belakang tabir” lebih sering digunakan. Pada dasarnya kedua-dua istilah tersebut adalah istilah teknikal; hanya disebutkan dalam pengajian pelancongan. Ini sekalipun hanya dalam penyelidikan pelancongan-budaya. Oleh itu, kedua-duanya harus difahami dengan pengertian yang agak khusus.

“Budaya-dipentaskan” adalah item-item (tangible dan intangible) yang diadakan secara sedar untuk dijadikan komoditi untuk ditawarkan kepada pelancong. Pengkategorian item-itemnya boleh diasaskan oleh gagasan Velene L. Smith (1977, Peter (1969), Robinson (1976), McIntoch dan *et.al* (1995), Cohen (1979) Inskeep (1991 dan 1994) dan ECTARC serta WTO (dalam Richards 1996: 22-25) seperti telah diberikan di atas. Harus ditekankan bahawa “budaya-dipentaskan” itu tidak hanya mengenai persembahan atau pesta semata-mata kraf, taman tema, pesta, perayaan, persembahan seni-budaya (muzik dan tarian). Contoh-contoh Auyin Hill Resort, Tropicale de Comar Resort, Sunway Lagoon, Pesta Malaysia, *Citrawarna Malaysia*, program Rumah Terbuka Malaysia, Pesta Malaysia, Pesta Makanan, Pesta Bunga, karnival membeli-belah, Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) dan sebagainya. Kraf dikatakan “budaya-dipentaskan” kerana ia diadakan dengan tujuan asal untuk dijual. “Pementasannya” ialah seperti di Pasar Seni.

“Budaya-di belakang tabir” pula adalah dimensi yang melihat “seluruh aktiviti” dan *setting* di sesebuah destinasi yang dilawati oleh pelancong sebagai produk pelancongan. Contoh serta merta ialah kehidupan seharian masyarakat tempatan. Ia dianggap berada di belakang “budaya-dipentaskan” kerana tidak dimaksudkan untuk ditonjolkan kepada pelancong tetapi diamati oleh pelancong, dan “dijual” oleh agen-agen pelancongan sebagai produk pelancong. Satu rangka teoritis yang sering digunakan untuk menjelaskan pendekatan ini ialah model “tourist gaze” yang digagaskan oleh Urry (1990). Menurut model ini semua perkara yang ada di sektor destinasi yang bukan (atau tidak ada niat) untuk dipamerkan kepada pelawat telah juga menjadi objek yang diamati (*gaze upon*), dikonsumsi dan diberi makna oleh pelancong. Urry (1990: 9) menyatakan semasa dalam lawatan ke sesuatu destinasi para pelawat merekonstruksi

makna daripada apa yang diamati itu. Menurut Urry (1990: 9) semasa dalam lawatan ke sesuatu destinasi itu para pelawat mengamati segala-galanya.

Almost any sort of work, even the backbreaking toil of the Welsh miner or the unenviable work of those employed in the Parisian sewer, can be the object of tourist gaze (Urry 1990: 9).

Dengan perkataan lain, apa sahaja yang terdapat di sesebuah destinasi itu — dari kegiatan pekerjaan biasa, pelayan di kaunter tiket hinggalah ke keadaan tandas — merupakan “produk.” Sehubungan itu, menurut Urry (1990: 9), para pelawat juga “merekonstruksi” makna-makna tertentu daripada apa yang diamati itu.

### **Sifat produk budaya Malaysia**

Di Malaysia “budaya-di belakang tabir” yang dikomodifikasikan dalam pelancongan termasuk kehidupan masyarakat majmuk itu sendiri, kehidupan di pasar (street culture), *Chinatowns*, *Little India*, kehidupan desa persawahan padi dan nelayan, gerai makanan tempatan, majlis perkahwinan, perayaan-perayaan keagamaan (Hari Raya Idil-Fitri, Tahun Baru Cina, Thaipusam, Gawai, Samazai dan lain-lain), *local folk pastimes*, *night-life* di bandar dan kehidupan kosmopolitan di bandar raya.

Kajian ini membuat hipotesis bahawa dalam bingkai besar ini pelancongan-budaya Malaysia boleh diibaratkan sebagai sebuah pentas besar yang mempersembahkan sebuah “simponi cacamerba.” “Simponi cacamerba” di sini bermaksud penonjolan budaya pelbagai kaum dan “pentas mega”nya adalah ruang yang diberikan dalam pelancongan Malaysia. Kecacamerbaan itu disebutkan dengan pelbagai nama. Bagi “budaya-dipentaskan” (stage-culture) ia dinamakan *Warna-Warna Malaysia*, *Citrawarna Malaysia*, “Malaysia Truly Asia” dan sebagainya. Bagi “budaya-di belakang tabir” (backstage-culture) pula ia dinamakan masyarakat majmuk, berbilang-kaum (multiracial), pelbagai-kebudayaan (multiculture) dan pelbagai-etnik (multiethnic). Dalam kehidupan seharian itu setiap kaum hidup dalam “kotak perkauman” masing-masing. Antara imej di atas “pentas” itu yang dijual ialah kaum Cina tinggal di bandar dan menguasai hampir kesemua sektor ekonomi negara. Orang Melayu pula tinggal di luar bandar dan mengerjakan kegiatan pertanian dan nelayan. Kaum India tinggal di estat sebagai buruh kasar.

Dalam simponi cacamerba di atas pentas mega itu berlaku persaingan yang agak sengit antara kaum. Persaingan itu boleh diibaratkan sebagai endau dalam belukar yang berebut-rebut mencari ruang untuk mendapatkan cahaya. Dalam industri pelancongan setiap kaum berusaha memulihara dan pada masa berebut-rebut untuk mengkomoditi dan menonjolkan kebudayaan masing-masing. Pada satu sisi, tindakan ini adalah untuk menjadikan kebudayaan masing-masing sebagai produk pelancongan. Pada sisi yang lain, ia adalah untuk menampilkan dan memperkukuhkan identiti kaum-kaum berkenaan.

### **Tema produk budaya di Malaysia**

Produk kebudayaan dalam pelancongan Malaysia begitu banyak, dan tidak mungkin dapat disenaraikan kesemuanya. Jumlahnya tidak kurang daripada 1500 item dalam bentuk *tangible* dan *intangible*. Malah sebuah buku yang khusus mengenainya masih belum dapat menjelaskan kesemua produk kebudayaan Malaysia. Apa saja boleh dengan tiba-tiba menjadi produk pelancongan. Misalnya, kegiatan mengempeng padi di kalangan masyarakat pesawah padi zaman lampau tiba-tiba menjadi “budaya-di pentaskan” semasa Pesta Malaysia 1999 diadakan. Selain itu, perkara biasa dalam kehidupan telah dijadikan produk pelancongan. Walau bagaimanapun, tema-tema utamanya boleh dikelompokkan seperti berikut:

- Seni bina, *i.e.* rumah *vernacular* masyarakat peribumi (seperti rumah Melaka, rumah Minangkabau, rumah Kelantan dan Terengganu), A’Famosa (Porta de-Santiago), Stadthuys, Bangunan Sultan Abdul Samad, Istana Johor dan seni bina istana tradisional Melayu
- Tapak sejarah, *i.e.* A’Famosa (Porta de-Santiago), Stadthuys, Bukit Melawati, Kota Tinggi
- Muzium, *i.e.* Muzium Negara, muzium negeri dan daerah, dan muzium persendirian Cina
- Kubur, *i.e.* Bukit Cina di Melaka, Nilai Cemetery Parks dan Nirvana Cemetery Parks
- *Chinatown*, *i.e.* Petaling Street, seluruh Georgetown dan Jonker Street Melaka
- *Little India*, *i.e.* Chulia Street dan Jalan Masjid
- Taman Mini, *i.e.* Taman Mini Malaysia dan Taman Mini Asia di Ayer Keroh Melaka
- Taman budaya, *i.e.* Taman Budaya Malaysia Sarawak
- Kraf, *i.e.* di Jalan Conlay, Pasar Seni dan Bandar Hilir
- Bandar raya (city tourism), *i.e.* Bandaraya Kuala Lumpur dan Pulau Pinang
- Pemandangan desa (informal countryside recreation), *i.e.* kampung nelayan, sawah padi, menoreh getah dan memungut buah kelapa sawit

- ❑ Home-stay, *i.e.* Desa Murni dan Kampung Pelagong
- ❑ Makanan, *i.e.* Chinese foods, nasi kandar dan satay
- ❑ Produk-hiliran desa, *i.e.* buah-buahan, kraf orang kampung
- ❑ Komuniti suku-kaum, *i.e.* Orang Asli, Iban, Kadazan, Murut, Banjar
- ❑ Masyarakat majmuk
- ❑ Senjata warisan, *i.e.* kris
- ❑ Taman budaya, *i.e.* Istana Budaya, MATIC, gelanggang seni di setiap negeri,
- ❑ Pusat budaya, *i.e.* Gelanggang Seni Kota Bharu, MATIC Kuala Lumpur, Taman Budaya Sarawak
- ❑ Rumah Terbuka Malaysia — perayaan agama pelbagai kaum
- ❑ Perayaan agama *i.e.* Raya Idil-Fitri, Tahun Baru Cina, Deepavali,
- ❑ Pesta suku-kaum *i.e.* Songkram, Samazai, Gawai
- ❑ Lawatan (pilgrimage) ke tempat suci, *i.e.* Thaipusam di Batu Caves, perayaan di Buddha di Ayer Hitam (Pulau Pinang) dan Tumpat
- ❑ Taman tema, *i.e.* Genting Highlands @ First World Resort World, Sunway Lagoon, the Mines Wonderlands, A’Famosa Water World, Tasik Merah
- ❑ Persembahan seni-budaya, *i.e.* folkarts Melayu, ritual kaum Cina dan India dan Bumiputera lain
- ❑ Pesta/Acara/Karnival, *i.e.* *Warna-Warna Malaysia, Citrawarna Malaysia, “Malaysia Truly Asia,”* perayaan-perayaan keagamaan dan pesta tradisi pelbagai kaum

Berdasarkan senarai yang diberikan di atas dapat dirumuskan bahawa kebudayaan Malaysia adalah berbenih atau berasal usul dari sekurang-kurangnya lapan sumber seperti diberikan dalam Jadual 1.

Jadual 1  
Babakan Pertumbuhan Kebudayaan Malaysia

|   | <b>Jalur akar umbi/Asal usul kebudayaan Malaysia</b> | <b>Babakan persejarahan</b>                   |
|---|--|---|
| 1 | Melayu dan Bumiputera lain                           | Sediakala                                     |
| 2 | Penaklukan Portugis                                  | Dari tahun 1511 hingga 1641                   |
| 3 | Penaklukan Belanda                                   | Dari tahun 1641 hingga 1824                   |
| 4 | Kolonialisasi dan imperialisasi British              | Dari tahun 1786 hingga 1957                   |
| 5 | Imigrasi kaum Cina secara beramai-ramai              | Sejak 1850 sehingga kini                      |
| 6 | Imigrasi kaum India secara beramai-ramai             | Sejak awal abad ke-20 sehingga kini           |
| 7 | Moden pascamerdeka                                   | Sebelum dan selepas kemerdekaan sehingga kini |
| 8 | Pascamoden   | 1970-an hingga kini                           |



Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa budaya Malaysia hari ini adalah bersifat *poligenesis* iaitu bukan dari asal usul yang sama. Ia berasal-usul dari tiga sumber utama iaitu peradaban peribumi (Melayu dan Bumiputera lain), kolonialisme dan imigran. Setiap satu kelompok “peradaban” itu mempunyai varian-varian tertentu. Sehubungan itu, “kesatuan budaya” Malaysia adalah dari adunan daripada kebudayaan Oriental dan Occidental dari hampir seluruh peradaban di muka bumi ini, dari Barat dan Timur.

Tanggapan begini dengan sendirinya suatu penerimaan terhadap hakikat bahawa terdapat begitu banyak “titik permulaan” atau “asal-usul” dalam peradaban Malaysia. Dengan perkataan lain, “peradaban” Malaysia hari ini bukanlah berasal-usul daripada peradaban Melayu dan Bumiputera lain semata-mata tetapi juga berakar umbi dari peradaban Barat, China, India, Arab, Siam, Ceti, Indo-Portugis dan sebagainya. Apa yang ada pada hari ini ialah adunan peradaban orang Melayu, peradaban suku-kaum Bumiputera lain, peradaban Cina, peradaban orang dari India, peradaban Arab, peradaban Ceti, peradaban Cina Baba-Nyonya dan sebagainya.

Perspektif *poligenesis* seperti ini adalah *valid* dalam memperkatakan pelancongan Malaysia kerana item-item pelbagai budaya itulah yang diprojeksikan dalam alat promosi.

Sehubungan itu, secara teoritisnya “kesatuan budaya” Malaysia adalah dalam bentuk “sebuah struktur yang terdiri daripada pelbagai kebudayaan yang berbeza” (a structure of difference cultures) atau “satu kesatuan pelbagai kebudayaan yang berada dalam kotak masing-masing” (a unity of compartmental cultures). Kewujudan ini diterima oleh semua pihak sebagai suatu “institusi” di negara ini. Ini kerana setiap kaum beranggapan mereka masing-masing mempunyai sejarah asal usul peradaban tersendiri, berbeza daripada kaum-kaum lain. Kehadiran setiap budaya perkauman itu pula bukan sahaja diabsahkan (legitimized) malah dilindungi (protected) oleh kuasa *ultra-vires* iaitu Perlembagaan Persekutuan Malaysia—yang merupakan undang-undang tertinggi negara, tidak ada kuasa yang boleh mengatasinya. Kewujudan, amalan dan keprogresifan budaya pelbagai kaum itu menjadi salah satu unsur terpenting dalam ideologi negara iaitu Rukunegara.

Evolusi kemunculan “peradaban Malaysia” itu bermula daripada kewujudan establishment sosial dan politik masyarakat peribumi dalam bentuk *kerajaan* atau *kesultanan*. Antara legasi peradaban Melayu amnya ialah 1) sistem beraja iaitu sistem politik tradisional yang masih menjadi simbol kenegaraan dan berfungsi dalam struktur jentera pentadbiran negara sehingga pada hari ini, 2) legenda dan mitos kepahlawan seperti Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Puteri Gunung Ledang, Puteri Saadong, Cik Siti Wan Kembang dan Awang Batin, 3) adat resam seperti upacara perkahwinan, 4) seni persembahan seperti pantun, mak yong, wayang kulit, kuda kepang, 5) permainan dan rekreasi rakyat seperti main gasing, silat, wau, 6) amalan dan etos seperti gotong royong, muafakat. Di samping itu, Zaman Kesultanan Melayu Melaka juga meninggalkan Bukit China dan perigi Hang Li Po.

Antara *kerajaan* peribumi yang terkenal ialah Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 dan sebahagian abad ke-16. Establishment politik Melayu itu dimusnahkan oleh penakluk Portugis pada 1511. Tetapi “peristiwa” tersebut bukan hanya era bermulanya penjajahan politik dan ekonomi kuasa asing tetapi juga “eventual period” bermulanya “penambahan” titik mula asal usul peradaban negara ini. Sejak itu sejarah asal usul peradaban Malaysia adalah juga sejarah asal usul kemunculan peradaban Oriental dan Occident dari hampir seluruh peradaban di muka bumi di negara ini.

Dalam tulisan-tulisan sejarah konvensi, selepas penaklukan Portugis itu diikuti oleh penaklukan Belanda (dari tahun 1641 hingga 1824). Seterusnya diikuti oleh kolonialisasi dan imperialisasi British dari 1786 hingga 1957. Di samping itu, mulai pertengahan abad ke-19, semasa “di bawah perlindungan kibaran bendera *Union Jack*,” gerombolan imigran Cina datang bermestautin dalam jumlah yang besar. Kemudian pada akhir abad ke-19 datang pula kaum India.

Penaklukan-penaklukan kuasa Barat itu bukan hanya suatu siri era-era penjajahan politik dan ekonomi tetapi juga merupakan “eventual periods” dalam kemunculan peradaban Malaysia. Setiap satunya merupakan “eventual period” yang menambah dimensi baru “titik permulaan akar umbi peradaban” negara ini.

Antara legasi era penaklukan Portugis ialah 1) A’Famosa (Porta de-Santiago), dibina pada 1512, sebuah kubu pertahanan dari serangan pejuang peribumi, 2) St. Pauls Church, dibina pada 1571, 3) sejarah kedatangan padri besar seperti Francis Xavier, 4) St.

Peter's Church (1710), dan 5) St. John's Fort (abad ke-18). Legasi lain era penaklukan tersebut ialah Melaka merupakan negeri pertama dijajah oleh kuasa asing. Di samping itu, selain pernah menjadi pusat peradaban Islam, ia juga menjadi pusat penyebaran agama Kristian di rantau ini.

Legasi penaklukan Belanda terdapat di Melaka, Perak dan Selangor. Antaranya di Melaka ialah 1) Stadthuys, dibina tahun 1650, asal sebuah ibu pejabat kuasa kolonial itu, dan dipulihara oleh Kerajaan selepas merdeka sebagai salah sebuah tanda keunggulan negeri berkenaan, 2) Perkuburan golongan bangsawan di atas Bukit St. Paul dengan nama "Our Lady of the Hill," 3) Christ Church, dibina pada 1753, dan dalam salah sebuah alat promosi pelancongan terbitan Kerajaan Negeri Melaka dinyatakan "[T]he church is the testimony of Dutch architectural ingenuity," 4) St. Francis Xaviers Church, dibina pada 1849, oleh Reverend Farv, seorang berbangsa Perancis, bercirikan *Gothic-towered church* yang didedikasikan kepada St. Francis Xavier yang dikenali sebagai *Apostle of the East* iaitu tokoh pendakwah Kristian Katolik (Catholicism) utama di Asia pada abad ke-16.

Legasi Belanda di Perak ialah 1) Kota Belanda di Pulau Pangkor, dibina pada tahun 1670, sebagai sebuah kubu pertahanan dari serangan pejuang Melayu seperti Panglima Kulab dan pengikutnya. Pernah ditinggalkan ekoran daripada serangan hebat pejuang Melayu. Kemudian dibina semula pada tahun 1743 sebagai sebuah garison untuk menempatkan 600 orang tentera Belanda. 2) Batu Bersurat (tidak jauh dari Kota Belanda) yang mempunyai inskripsi dengan catatan *1743 I.F.CRALO* dan imej seekor harimau. Alat promosi pelancongan sering menjelaskan "[T]he story behind it is that a child, who played by the rock, disappeared with no trace and was presumed that a tiger had taken the child. However the villagers said that it wasn't the tiger that had taken the boy, but rather the angry Malays, who wanted to rid Pangkor of the Dutch. The Dutch chiseled this incident on the stone depicting the Malays as a tiger." Legasi Belanda di Selangor ialah di Bukit Melawati, Kuala Selangor, juga sebuah kubu pertahanan dari serangan pejuang tempat.

Walau bagaimanapun, di antara berbagai-bagai *contingencies* persejarahan itu, era kolonialisme Britishlah merupakan "eventual factor" yang paling penting dalam sejarah peradaban Malaysia. Legasi period tersebut yang paling penting, tidak ada tolok

bandinginya, ialah kemunculan masyarakat majmuk. Seperti telah dibayangkan, “di bawah lindungan bendera Union Jack”lah datangnya imigran Cina dan India dalam jumlah yang besar sehingga mengubah komposisi masyarakat negara ini. Komposisi masyarakat majmuk dan kewujudan kebudayaan *multiculturalism* itu adalah ciri kekal negara ini sehingga ke hari ini. Legasi era kolonialisme British yang kedua penting ialah dalam pengasasan “negara” dan pengenalan sistem pentadbiran moden iaitu sistem birokrasi ala-Montagu dan sistem Federalisme, dan juga sistem demokrasi.

Legasi lain era kolonialisme British itu ialah memulakan pelancongan moden di negara ini. Ini termasuk pengenalan hampir kesemua aspek pelancongan Malaysia seperti sanatorium, rest-house, hotel, kelab-sosial, muzium, rekreasi, sukan dan hiburan. Legasi-legasinya yang lain adalah dalam aspek seni bina, bandar moden yang didominasi oleh kaum Cina, kehidupan malam (*night-lives*), seni taman awam dan tanda keunggulan. Legasi seni bina era kolonial British cukup meluas. Unsur-unsur seni bina kolonial diserapkan seni bina yang menjadi tanda keunggulan di seluruh negara termasuk istana diraja, masjid dan bangunan pejabat pentadbiran utama di semua bandar. Ia memperkenalkan gaya hidup moden kebaratan.

Kedatangan kaum Cina secara besar-besaran sejak 1850 itu merupakan unsur asasi dalam kewujudan masyarakat majmuk seperti adanya pada hari ini. Mereka mendominasi bandar dengan imej kecinaan seperti membuka *Chinatown*, kuil dan rumah kongsi. Mereka mengamalkan tarian singa, tarian naga, dan festival-festival lain yang kesemuanya berasal dari Tanah Besar Negara China.

Kedatangan orang-orang India sekitar awal abad ke-20 telah mewujudkan kuil, *little India* dan festival-festival dari Benua Kecil India. Sebagaimana kaum Cina, kedatangan mereka mewujudkan masyarakat majmuk di negara ini. Menurut bancian Jabatan Perangkaan Malaysia komposisi penduduk berasaskan kumpulan agama adalah seperti Jadual 2.

Jadual 2  
Komposisi penduduk berasaskan kumpulan agama, 2006  
(Jumlah keseluruhan penduduk 22.6 juta)

| Agama/Kepercayaan                            | Peratus |
|--|---------|
| Muslim                                       | 53.0    |
| Buddhist                                     | 17.3    |
| Confucian, Taoist dan lain-lain <sup>1</sup> | 11.6    |
| Kristian                                     | 8.6     |
| Hindu  | 7.0     |
| Folk/Tribal                                  | 2.0     |
| Unclassified                                 | 0.5     |
| Jumlah                                       | 100.0   |

Nota: <sup>1</sup> Termasuk kesemua bentuk kepercayaan dan pemujaan tradisional kaum Cina  
Sumber: Perangkaan Penduduk Malaysia, bancian 2006, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Perayaan-perayaan pelbagai anutan agama dan kepercayaan ini juga “dipentas” atau dipakejkan sebagai produk pelancongan Malaysia. Hari Raya Aidil Fitri, Thaipusam, Tahun Baru Cina, Gawai dan Samazai dan sebagainya dikomodifikasikan dalam alat promosi dan dijadikan unsur dalam program Rumah Terbuka Malaysia.

Demikianlah profil sejarah peradaban Malaysia. Ia terdiri daripada adunan pelbagai kebudayaan dari hampir seluruh peradaban di muka bumi ini, dari Barat dan Timur. Adunan peradaban inilah yang “dipentas” sebagai produk pelancongan Malaysia. “Pementasan” itu dilakukan melalui pelbagai cara seperti pameran artifaks di muzium, komodifikasi tapak sejarah, penjualan kraf, dan penganjuran pesta-pesta seperti “Malaysia Truly Asia,” *Warna-Warna Malaysia*, *Citrawarna Malaysia*, Rumah Terbuka Malaysia, dan juga perayaan agama seperti Thaipusam, Tahun Baru Cina, Raya Aidil Fitri dan sebagainya.

Harus ditegaskan bahawa di antara berbagai-bagai unsur tersebut, produk pelancongan-budaya Malaysia yang paling utama adalah masyarakat majmuk itu sendiri. Masyarakat-majmuk seperti digambarkan oleh Furnivall (1965 dan 1980) iaitu sebagai masyarakat pelbagai kaum yang hanya bertemu dalam pasaran tetapi dalam kehidupan sebenar mereka hidup terpisah dalam kelompok masing-masing itu “dipentas” dan dipakejkan sebagai produk pelancongan Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam konteks Malaysia, spektrum konsep masyarakat-majmuk seperti digambarkan oleh Furnivall itu

harus diperluaskan. Ini kerana warganegara Malaysia bukan sahaja masyarakat-majmuk tetapi juga dicirikan oleh ekonomi-majmuk, politik-majmuk, tempat tinggal-majmuk, agama-majmuk, simbol-majmuk, sejarah-majmuk, peradaban-majmuk, kebudayaan-majmuk, sistem pendidikan-majmuk, bahasa-majmuk, media massa-majmuk, makanan-majmuk, restoran-majmuk, adat resam-majmuk dan segala-galanya majmuk. Malah warganegara Malaysia dicirikan juga oleh memori-majmuk, nostalgia-majmuk, mitos-majmuk, legenda-majmuk dan etos-majmuk. Memori, nostalgia, mitos-legenda dan etos di kalangan orang Melayu, kaum Cina, kaum India dan kaum-kaum lain berakar umbi daripada peradaban yang berbeza. Sementara orang Melayu begitu berpaut (attached) dengan sejarah Sriwijaya, Kesultanan Melayu Melaka dan *Kerajaan-Kerajaan* purbakala lain di rantau ini, kaum Cina dan India pula begitu berpaut dengan memori, nostalgia, mitos-legenda, simbol, mitos-legenda dan etos dari *tanah asal* masing-masing.

Kaum Cina begitu nostalgia dengan sejarah keperitan hidup nenek moyang mereka pada masa mula-mula tiba di Negeri-Negeri Melayu. Cerita nenek moyang mereka diperturunkan dari satu generasi ke generasi lain menjadi sesuatu yang abadi dalam sejarah kehidupan mereka. Mereka berusaha sungguh-sungguh memulihara kongsi, kuil dan rumah kedai dan pada masa yang sama mengekalkan sejarah, nostalgia, memori, mitos-legenda dan simbol dari Tanah Besar China. Demikian juga di kalangan kaum India. Kesemuanya dijadikan produk pelancongan Malaysia.

## **Kesimpulan**

Malaysia mempunyai begitu legasi menjadikan kebudayaannya bersifat *multiculturalism* yang *par excellent*. Hakikat yang sudah diketahui umum itu diperbesarkan oleh alat promosi dan publisiti awam pelancongan. Projeksi tersebut memperkukuhkan persepsi umum tentang imej identiti bangsa Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa senario yang tidak diungkapkan dengan sempurna oleh pelbagai pihak mengenai kebudayaan Malaysia. Jelas bahawa kesatuan kemalaysiaan dari segi budaya itu boleh diibaratkan sebuah “simponi cacamerba” di atas sebuah pentas. Pelbagai budaya kaum dibawa masuk, dipamer serta dikomodifikasikan di atas “sebuah pentas” tetapi setiap satunya berada dalam “kotak-kotak” perkauman masing-masing. “Kesatuan budaya” itu boleh diungkapkan sebagai “a structure of difference cultures” atau “a unity of

compartmental cultures.” Sementara itu, di samping “kesatuan budaya pelbagai kaum yang masing-masing berada dalam *kotak-kotak* tersendiri” itu terdapat pula legasi kolonial dan unsur-unsur asing dari luar yang “dipentaskan.” Ini menyebabkan budaya Malaysia sebenarnya tidak mempunyai kesatuan akar umbi yang mendalam.

## **Rujukan**

Cohen, E. 2001. Ethnic tourism in Southeast Asia. Dlm. Wang Zhusheng. (pnyt.). *Tourism, anthropology and China*. hlm. 27-54. New York: Longman.

Dokumen Bahagian Pelancongan (Domestik). 2003. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

**Inskeep, E. 1987.** *Environmental Planning for Tourism; Annals of Tourism Research*, 14 (1): 118-135

**Inskeep, E. 1991.** *Tourism Planning: An Integrated and Sustainable Development Approach*. Van Nostrand Reinhold, New York, USA

Kadir H. Din. 1997. "Tourism and Cultural Development in Malaysia: Issues for a New Agenda", in Yamashita, S, Hadir H. Din and Eades, J.S. (eds.), *Tourism and Cultural Development in Asia and Oceania*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Pp. 104-118.

**MacCannell, D. 1973.** Staged Authenticity: Arrangement of Social Space in Tourist Settings. *American Journal of Sociology* 79(3):589-603

**MacCannell, D. 1976.** *The Tourist: a New Theory of the Leisure Class*. Sulouker Books, New York, USA

Malaysia. 2003. *Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.

Malaysia. *Akta Industri Pelancongan 1992 (Undang-undang Malaysia Akta 482)*.

Malaysia. *Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992 (Undang-undang Malaysia Akta 481)*.

Malaysia. *Laporan Tahunan Statistik Pelancongan Laporan Perangkaan Tahunan Pelancongan*. sejak 1972-2005. Kuala Lumpur: TDC (sehingga 1992) dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia Malaysia (sejak 1992).

Malaysia. *Perangkaan Penduduk Malaysia*, bancian 2006, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Malaysia. *Rancangan Malaysia Kelapan 2000-2005*. Jabatan Percetakan Negara.

- Malaysia. *Tourism in Malaysia: Review of Activities (TMRA)*. 1965 hingga 1967. Kuala Lumpur: Department of Tourism (DOT), Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia.
- McIntosh, R.W., Goeldner, C.R. & Ritchie, J.R.B. 1995. *Tourism: Principles, Practices, Philosophies*. Ed. ke-7. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- McKercher, B., & Cros, H. du. 2002. *The partnershipo between tourism and cultural heritage management*. New York, London and Oxford: The Haworth Hospitality Press.
- Peace, P.L. 1990. Farm tourism in New Zealand. *Annals of tourism research*. **16** (1): 54-76.
- Peters, Michael. 1969. *International tourism: the economics and development of the international tourist trade*. London: Hutchinson.
- Richards, G. 1996. The Scope and significance of cultural Tourism. Dlm. Richards, G. (pnyt.). *Cultural Tourism in Europe*, hlm. 19-46. Wallingford: CAB International.
- Robinson, H. 1976. *A geography of tourism*. London: MacDonald and Evans.
- Smith, Valene L. 1979. *Hosts and guests: the anthropology of tourism*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Turnbull, C. M. 1977. *A history of Singapore*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Urry. J. 1990. *Tourist gaze*. London: Sage.